

Mengapa Singapura tidak lakukan rukyah

OLEH
ABU FUAD SUYUTI

HUKUM asal dalam menentukan awal bulan Hijrah terutama Ramadan, Syawal dan Zulhijjah adalah dengan rukyah, iaitu melihat anak bulan. Ini berdasarkan hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dari Abu Hurairah: *Puasa-lah kamu dengan melihat anak bulan dan berbukalah (untuk Aidilfitri) dengan melihat anak bulan.*

Rukyah dilakukan pada petang hari yang ke-29 setiap bulan, sejurus sebelum maghrib dan selepasnya.

Di Singapura, penentuan awal bulan Hijrah tidak dilakukan melalui rukyah. Sebaliknya, masyarakat Islam di sini hanya diumumkan oleh Mufti bahawa bulan telah wujud di atas ufuk untuk sekian-sekian lama, atau bulan tidak wujud di atas ufuk.

Persoalannya, mengapakah Singapura tidak melakukan rukyah?

Di sini saya akan cuba menerangkan sebab-sebab Singapura tidak melakukan rukyah bagi menentukan awal bulan Hijrah.

Keadaan cuaca

Singapura adalah sebuah negara yang terletak hampir dengan Khatulistiwa. Negara-negara yang berada dalam kedudukan ini biasanya mempunyai langit yang sentiasa berawan. Ini termasuk Thailand, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Brunei.

Keadaan langit yang sentiasa berawan amat menyukarkan rukyah anak bulan.

Ini diburukkan lagi dengan keadaan bahawa cuaca di iklim sedemikian amat tidak mantap. Cuaca yang cerah boleh berubah kepada ribut taufan dengan tiba-tiba. Untuk melakukan rukyah, langit yang cerah tanpa berawan dan cuaca yang mantap amat diperlukan.

Kadang-kadang, apabila kita mendongak ke langit pada petang hari yang ke-29 setiap bulan, kita dapat lihat langit yang cerah tanpa berawan. Akan tetapi untuk melihat anak bulan, kita perlu melihat ke kaki langit atau ufuk sebelah barat. Dan kerap kali, apabila matahari tenggelam, kita tidak dapat melihatnya kerana dilindungi oleh awan yang tebal di kaki langit, asap atau jerebu. Pendek kata, kaki langit tidak bersih sehingga menghalang kita daripada melihat matahari tenggelam dengan jelas.

Sekiranya matahari tidak dapat dilihat apabila tenggelam, apatah lagi anak bulan yang terlalu halus dan malap.

Kita boleh mengukur sendiri keadaan cuaca di Singapura. Caranya adalah dengan melihat ufuk langit sebelah barat pada petang hari yang ke-29 setiap bulan Hijrah. Kemudian lakukan catatan tentang keadaan kaki langit pada petang tersebut. Jika kita dapat melihat matahari tenggelam dengan jelas, maka ufuk barat adalah bersih dan boleh melihat anak bulan.

Jika tidak, maka ufuk barat dilindungi dengan awan, asap dan sebagainya.

Bagi mereka yang tinggal di tingkat yang tinggi di flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dan pemandangan barat mereka tidak terlindung, eksperimen ini lebih mudah untuk dilakukan.

Saiz Singapura

Singapura adalah sebuah negara yang kecil. Maka ufuk barat kita juga adalah kecil. Jika mereka yang tinggal di Pasir Ris mempunyai ufuk barat yang tidak bersih, maka mere-



FOTO: FAIL

Lihat anak bulan: Rukyah memang diamalkan di sini beberapa tahun dulu sebagaimana terbukti dalam gambar yang dirakam pada 1956 ini.

ka yang berada di Woodlands, Sentosa dan Jurong juga mempunyai ufuk barat yang tidak bersih.

Berbanding dengan negara yang lebih besar seperti Malaysia dan Indonesia, walaupun mereka mempunyai iklim cuaca yang sama seperti Singapura, mereka mempunyai ufuk barat yang amat luas. Sebagai contoh, jika anak bulan tidak dapat dilihat di Pulau Pinang, kemungkinan ia boleh dilihat di Pontian, Johor. Jika anak bulan tidak dapat dilihat di Jakarta, kemungkinan ia boleh dilihat di Aceh, Sumatera.

Oleh itu, negara-negara ini mempunyai banyak tempat untuk melihat anak bulan di serata negara mereka.

Tambahan pula, negara-negara ini mempunyai lautan yang terbuka luas tanpa dihalang oleh negara atau pulau lain.

Malaysia Timur menghadap Laut China Selatan. Indonesia Barat pula menghadap Lautan Hindi. Maka lebih mudah untuk mereka melakukan rukyah.

Rekod melihat anak bulan

Walaupun negara-negara tersebut melakukan rukyah secara intensif pada setiap bulan, mereka melaporkan bahawa anak bulan jarang kelihatan pada petang hari yang ke-29 setiap bulan.

Biasanya mereka hanya berhasil melihat anak bulan sekali atau dua kali sahaja dalam setahun. Dan kerap kali, mereka tidak dapat melihat anak bulan sepanjang tahun.

Jika negara yang begitu besar seperti Indonesia dan Malaysia tidak dapat melihat anak bulan, apatah lagi negara Singapura yang begitu kecil. Mungkin ada yang mengatakan bahawa tidak mustahil Singapura

sahaja dapat melihatnya. Ini tidak dapat dinafikan.

Bagaimanapun, secara adat, Singapura tidak dapat melihat jika bahagian barat Johor tidak dapat melihatnya kerana ufuk barat Singapura dilindungi oleh Johor.

Keputusan Majlis Perhimpunan Fiqh Islam

Majlis Perhimpunan Fiqh Islam adalah satu perhimpunan para ulama Islam sedunia bagi membincangkan masalah-masalah yang bersang-

kutan dengan fikah.

Pada Februari 1981, Majlis tersebut telah mengeluarkan keputusan, di antaranya adalah Singapura, yang tidak dapat melihat anak bulan kerana kaki langit yang sentiasa terlindung, tidak perlu melakukan rukyah. Sebaliknya ia perlu bergantung kepada negara Islam yang terdekat yang melakukan rukyah.

Persetujuan Mabims

Pada 1992, Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura bersetuju untuk memulakan bulan-bulan Hijrah pada tarikh yang sama. Kecuali Singapura, ketiga-tiga negara berkenaan melakukan rukyah pada setiap bulan.

Singapura hanya mengikuti keputusan yang telah ditetapkan. Dengan itu, Singapura tidak perlu melakukan rukyah.

Kejituan hisab

Walaupun Singapura tidak melakukan rukyah, Singapura dapat menentukan awal bulan Hijrah dengan yakin melalui hisab.

Hisab adalah perkiraan matematik bagi menentukan kedudukan anak bulan yang dapat dilihat dari bumi.

Dengan kemajuan ilmu matematik sekarang ini, hasil perkiraan tersebut menghasilkan kejituan yang amat tinggi. Maka hisab dapat memaklumkan kepada kita dengan yakin sama ada anak bulan berada di atas ufuk sehingga boleh dilihat dengan mata atau sudah berada di bawah ufuk sehingga keesokan harinya dianggap sebagai penggenap bulan.

Dan dengan kaedah inilah, Mufti mengumumkan setiap awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah.

Nota: Penulis ialah seorang guru agama.